

## **MAQASID SYARIAH DAN APLIKASINYA DALAM BERMUAMALAH ANTARA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM**

### ***MAQASID SHARIAH AND APPLICATIONS IN THE COEXISTENCE OF THE MUSLIM AND NON-MUSLIM***

**Setiyawan Gunardi**

Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia.  
(Email: setiyawan@usim.edu.my)

**Received date:** 03-10-2019

**Revised date:** 15-10-2019

**Accepted date:** 16-10-2019

**Published date:** 10-12-2019

**To cite this document:** Gunardi, S. (2019). *Maqasid Shariah dan Aplikasinya dalam Bermuamalah antara Muslim dan Bukan Muslim*. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 31-39.

**DOI:** 10.35631/irjsmi.12004

---

**Abstrak:** *Maqasid syariah* amat dinamik dalam mengatur kehidupan bermasyarakat antara satu sama lain. Realiti kepelbagaiannya agama, bangsa dan suku memerlukan satu mekanisme yang dapat melindungi kesemua golongan sama ada yang muslim mahupun bukan muslim. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan *maqasid syariah* yang menjadi prinsip dalam bermuamalah antara manusia. Juga mendedahkan golongan bukan Islam yang menjalankan kehidupan di Malaysia, sehingga boleh mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan bersatu. Kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis kajian daripada rujukan yang bersifat deskriptif. Data yang diperoleh adalah bersumberkan data primer, iaitu al-Quran dan hadith. Juga data sekunder seperti jurnal, artikel, buku dan juga laman web dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa *maqasid syariah* menjadi rujukan dalam bermuamalah antara sesama manusia.

**Kata Kunci:** Maqasid Syariah, Dinamik, Mekanisme, Muamalah, Golongan Bukan Islam

**Abstract:** *Maqasid Sharia* is very dynamic in organizing community life with one and another. The reality of the diversity of religions, races and tribes require a mechanism to protect all communities of Muslims and non-Muslims. Therefore, this study aims to clarify the *maqasid syariah* as is the principle in the relationship between people. It also exposes non-Muslims who are living in Malaysia, thus creating a peaceful and united community. This study is based on analysis of studies from descriptive method. The data obtained is based on the primary data, is the Quran and the hadith. Also secondary data such as journals, articles, books as well as websites and observations. The results of the study found that the *maqasid sharia* is a guideline in the relationship between people.

**Keywords:** *Sharia Maqasid, Dynamics, Mechanisms, Relationship, Non-Muslims*

---

## **Pengenalan**

Perbincangan *maqasid syariah* semakin berkembang dan mendapat tempat dalam dunia keilmuan pada era dunia tanpa sempadan ini. Objektif utama syariat Islam dalam memelihara lima prinsip asas iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bagi memberi maslahah kepada manusia keluruhanannya.

*Maqasid syariah* menjadi tiang dalam meneguhkan jalan hidup individu ke arah kehidupan yang sejahtera dan cemerlang. Ia juga digunakan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam bagi menggubal dasar-dasar dan polisi-polisi yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik supaya selari dengan kehendak syarak. Dengan melihat kepada perkembangan *maqasid syariah* dalam kalangan umat Islam, perbahasan ilmiah ini bertujuan untuk mendekatkan hati insani khususnya orang bukan Islam dalam memahami keindahan hidup berlandaskan *maqasid syariah* yang bertepatan dengan tujuan pensyariatan dari Allah pemilik dunia dan segala isinya. Justeru, kesan aplikasi-aplikasi yang tersurat dalam syariat Islam akan memberi bukti bahwasanya Islam adalah sebaik-baik pegangan hidup yang memberi jaminan ke arah kemajuan individu dan negara. ( Azman Mohd Noor & Nasir Haron, n.d).

Prinsip *maqasid syariah* merangkumi gagasan yang utuh di seluruh aspek kehidupan bermula dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarkan perkara. Ia menjadi kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam. Ia juga merupakan salah satu elemen penting yang diambil perhatian dalam proses penentuan sesetengah hukum syarak bagi isu-isu dan masalah hukum semasa. Ia bukan sahaja terhad pada penentuan hukum, bahkan menurut para fuqaha dan ilmuan Islam, kepentingan dan peranan *maqasid syariah* adalah meluas dan bermanfaat untuk orang Islam dan juga orang bukan Islam.

## **Kajian Lepas**

Isu-isu asas berkaitan dengan *maqasid syariah* dan undang-undang telah dikaji dalam jurnal-jurnal dan kertas kerja persidangan. Maqasid Syariah dan Hak Asasi Manusia dikaitkan satu sama lainnya. Khairul Azhar Meerangani et.al. (2013) menjelaskan hak asasi bukan Islam di Malaysia, persoalan hak asasi yang menjadi pertikaian masyarakat, jika dikaitkan dengan agama. Juga menjelaskan Islam yang mampu memenuhi keperluan orang bukan Islam dalam menjalani kehidupan. Namun tidak mengaitkan dengan *maqasid syariah*, sebagai panduan.

Khadijah MK & Mohd Herzali MH (2008) memaparkan kupasan berkaitan konsep toleransi beragama dari sudut pandangan Islam dan sudut Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Amalan toleransi masih dinilai kabur bagi umat Islam dan bukan Islam, sehingga kadangkala boleh mencetuskan kekenduran. Toleransi juga belum dikaitan dengan *maqasid syariah* sebagai panduan dalam bermasyarakat yang majmuk.

Khairul Azhar Meerangani et.al. (2017) menjelaskan kewajaran penggunaan istilah *al-Dhimmi* sebagai status kewarganegaraan terhadap non Muslim Di Malaysia, dengan mengaitkan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Islam. Pada akhirnya, istilah *al-Muwatin* lebih sesuai dan tepat dengan sistem pemerintahan negara.

Ghazali, MR (2014) turut membahaskan *maqasid syariah* dalam memelihara sistem kehidupan manusia dan bukan sahaja terhad kepada prinsip asas yang lima itu, malahan *maqasid syariah* seharusnya menjadi model ke arah pemahaman sebenar Islam yang melengkapi cara hidup yang sempurna dan menyeluruh.

Secara umum, para ulama telahpun membincangkan *maqasid syariah*, walau begitu perlu menjelaskan secara mendalam, jika berkaitan dengan aplikasi untuk bermuamalah dengan bukan orang Islam. Manakala, secara realiti dan pemerhatian, laman web juga turut memberikan maklumat kesahihan berita semasa yang berlaku di Malaysia.

### **Perbincangan**

Para ulama dan ilmuwan Islam telahpun menjelaskan definisi *maqasid syariah*. Imam al-Ghazali mendefinisikan *maqasid syariah* sebagai maslahah yang mengambil manfaat dan menolak keburukan dan ini sememangnya menjadi tujuan umat manusia dan bertujuan untuk memelihara lima perkara asas manusia *usul al-khams* iaitu untuk memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang bertujuan untuk memelihara *usul al-khams* ini dikenali sebagai *maslahah*, manakala perkara yang memudaratkan *usul al-khams* pula dikenali sebagai *mafsadah* (al-Zarqa 1998).

Menurut ḥIlal al-Fasi (1993), *maqasid syariah* sebagai tujuan dan rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah dalam sesuatu hukum. Beliau juga telah membahagikan *maqasid* kepada dua iaitu *maqasid* umum dan *maqasid* khusus. *Maqasid* umum ialah matlamat syariah secara umum, manakala *maqasid* khusus ialah rahsia di sebalik setiap hukum.

Menurut Imam Syathibi (1996) tujuan akhir hukum tersebut untuk maslahah atau kebaikan dan kesejahteraan buat seluruh manusia. Beliau telah melihat *maqasid syariah* dari dua sudut: *wujud* dan *adam* atau *the presence and the absence*. Adapun konsep *maqasid* pada dasarnya masih memerlukan penjelasan dan penghuraian yang dapat dirungkaikan dan menghubungkannya dengan keadaan sebenar kehidupan manusia pada masa kini. Allah telah menetapkan syariatNya untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka.

Berdasarkan takrifan di atas, maka didapati bahawa *maqasid syariah* adalah tujuan syariah sebagai panduan dalam mendapat maslahah dan mengelak mudarat, sama ada secara umum maupun khas demi kepentingan bersama.

### **Kategori Maqasid Berdasarkan Puncanya: Maqasid Syari' Allah Taala**

Maqasid yang diletakkan oleh Allah dalam mensyariatkan hukum. Bertujuan untuk menarik kebaikan dan menolak kejahanatan di dunia dan di akhirat. Menurut al-Syatibi (1996), *Maqasid Syariah* terbahagi kepada empat bahagian :

- i. Tujuan Allah mencipta syariat untuk sendiri.
- ii. Tujuan Allah mencipta syariat untuk difahami.
- iii. Tujuan Allah menjadikan syariat untuk diamalkan.
- iv. Tujuan Allah meletakkan mukallaf di bawah hukum syarak.

### **Berasaskan kepada Kelompok Manusia dan Kaitannya dengan Hukum Syarak**

Hukum-hukum syarak secara keseluruhannya, *maqasid syariah* boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

*Maqāsid Āmmah*: iaitu objektif dan tujuan syarak dalam sebahagian besar hukum syarak seperti objektif memudahkan dan tidak menyukarkan, objektif menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur dan objektif manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Hukum-hukum syarak secara keseluruhannya sama ada secara langsung atau tidak langsung bertujuan untuk mencapai dan menjaga objektif-objektif ini. (Uqlah,1991)

*Maqāṣid Khaṣṣah*: iaitu objektif syarak yang ingin dicapai oleh sekelompok hukum secara khusus seperti objektif syarak berkaitan dengan harta, kekeluargaan atau hukuman. Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai objektif dan tujuannya yang tersendiri.

*Maqāṣid Juz'iyah*: iaitu objektif dan tujuan yang ingin dicapai oleh setiap hukum syarak secara satu persatu seperti pengharaman arak, judi dan meminang perempuan yang telah bertunang. Setiap satu hukum ini mempunyai objektif dan tujuan yang ingin dicapainya. Maqaṣid ini juga dikenali sebagai hikmah, rahsia syarak dan *'illah*.

### Kategori Orang Bukan Islam dalam Islam

Orang bukan Islam dalam Islam, bermakna kafir ditakrifkan sebagai orang yang (secara i'tiqad dan 'amaliyah) tidak menerima Islam sebagai agama dan tidak tunduk patuh kepadanya. Imam Nawawi Rahimahullah berkata bahawa syirik dan kufur membawa maksud yang satu iaitu mengingkari Allah. Perbezaan antara kufur dan syirik adalah syirik itu lebih khusus kepada penyembahan berhala dan selain Allah, manakala kufur bersifat lebih umum daripada syirik.

Seseorang tidak dikategorikan sebagai kafir yang berhak kekal dalam api neraka Allah kerana akidah Islam tidak sampai kepadanya, ataupun Islam sampai kepadanya dalam keadaan yang buruk dan menakutkan, ataupun mereka tidak memahami hujah-hujah Islam walupun sudah berusaha mencari kefahaman mengenainya. Akan tetapi menjadi suatu kepastian bahawa Allah tidak akan mengampuni perbuatan syirik dalam kalangan hamba-Nya sepertimana yang diterangkan dalam al-Qaradhawi (2016).

Kafir Hakiki, iaitu mereka yang memang tidak menerima Islam sebagai pedoman (Bukan Islam) dan mensyirikkan Allah dengan sesuatu. Mereka ini terbahagi kepada beberapa kumpulan antaranya Kafir Zimmi dan Kafir Harbi. Fenomena Kafir Hakiki ini juga boleh terjadi kepada ummat Islam apabila mereka murtad (keluar dari agama Islam), berbuat syirik kepada Allah Taala dan melakukan perkara-perkara (secara didalam hati, perkataan dan perbuatan) yang membantalkan syahadah iman mereka. Bagi kafir zimmi dan harbi, mereka terbahagi kepada Yahudi, Nasrani, Atheis dan Majusi.

Kafir Kitabi, iaitu golongan manusia yang tidak mengikut kitab-kitab samawi tulen, yang diturunkan kepada para nabi dan ummatnya terdahulu sebelum Al Qur'an (Zabur kepada Nabi Daud, Taurat kepada Nabi Musa dan Injil kepada Nabi Isa).

Kafir Amali merupakan fenomena yang berlaku ke atas ummat Islam yang meninggalkan amalan-amalan wajib dalam hukum Islam yang diwajibkan ke atasnya dilaksanakan seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Inilah keadaan kafir yang banyak terjadi kepada orang Islam.

Menurut konsep fiqh siyasah syariah, pembahagian orang bukan Islam terbahagi kepada tiga seperti yang dikatakan oleh Imam Ibnu Qayyim (1367H/1948): "Setelah surat Barā'ah (at-Taubah) turun, masalah orang kafir terbagi menjadi tiga golongan: kafir harbi (al-muhâribîn), ahlu al-'ahd dan ahlu adz-dzimmah. Tetapi dalam konteks kehidupan beragama di negara ini penduduknya terdiri daripada Islam dan bukan Islam. Dan menurut 'uruf di Malaysia, pada dasarnya terdapat dua jenis status orang bukan Islam iaitu Kafir Mu'ahad dan Kafir Musta'min.

## **Status Orang Kafir Di Malaysia Sekarang**

Dari segi persoalan sama ada wujud atau tidak golongan kafir *zimmi* di Malaysia seperti sekarang, maka jawapannya dikembalikan kepada ‘takrif’ kafir *zimmi* itu sendiri. Oleh kerana maksud kafir *zimmi* adalah orang bukan Islam yang tinggal di dalam Negara Islam, sedangkan negara Malaysia masih belum layak digelar Negara Islam kerana hanya separuh hukum Islam dijadikan undang-undang dan panduan kepada rakyatnya, maka jelaslah bahawa tidak dapat lagi mengkategorikan atau menamakan mereka sebagai *ahli zimmi*. Ini dari satu sudut. Dari sudut yang lain, kafir *zimmi* atau dikenali juga sebagai *ahli zimmah*, adalah kerana kedudukan mereka yang tunduk patuh kepada hukum-hakam Islam serta mereka membayar jizyah sebagai balasan perlindungan (*zimmah*) yang diberikan oleh Negara Islam kepada mereka. Sedangkan pada hari ini, tidak ada satu negara pun di mana orang-orang kafir membayar jizyah di dalamnya, dan tidak ada satu negara pun yang menerapkan hukum-hakam Islam yang mana orang kafir tunduk patuh kepadanya. Begitu jugalah Malaysia yang masih belum mengamalkan hukum Islam dengan sepenuhnya.

Berhubung dengan kafir *mu'ahid* atau kafir *musta'min*, yang menjadi parameter adalah perjanjian mereka dengan, atau keizinan masuk (visa) mereka ke dalam negara Muslimin (*bilad al-muslimin*). Jika negara kafir melakukan perjanjian atau individu kafir dari negara tersebut diizin masuk ke dalam *bilad al-muslimin*, maka status mereka akan termasuk sebagai *mu'ahid* atau *musta'min* berdasarkan kategori masing-masing. Selain itu, kewujudan Perlembagaan Persekutuan telah memberikan kewujudan orang bukan Islam untuk tinggal di Malaysia dan memberi hak mereka selagi tidak melakukan kekacauan dalam masyarakat.

Penggunaan istilah kafir *harbi* terhadap rakyat Malaysia yang bukan Islam dalam situasi ini dilihat berpotensi mencetuskan ketegangan terutamanya dalam kalangan masyarakat awam yang sebahagiannya hanya memahami konsep *harbi* sebagai golongan non Muslim yang diharuskan nyawanya untuk diperang.

Bagi Malaysia, pemberian kewarganegaraan adalah berdasarkan kontrak perjanjian namun elemen agama tidak dijadikan sebagai dasar utama dalam penentuan kewarganegaraan tersebut bahkan keutamaan terhadap sebahagian warganegara Malaysia adalah berdasarkan status mereka sebagai bumiputera tanpa mengira agama. Hal ini dapat dilihat apabila warga bumiputera yang bukan Muslim juga seperti peribumi Sabah dan Sarawak mendapatkan kelebihan tertentu aspek dalam pentadbiran, pelajaran dan pemilikan tanah berbanding golongan bukan bumiputera yang beragama Islam. Maka, pemeliharaan keistimewaan sebagai warganegara berdasarkan status asal ini mewajarkan penukaran istilah tersebut bagi meraikan realiti semasa yang wujud pada hari ini yang menyaksikan pemberian kewarganegaraan berdasarkan keagamaan ini telah digantikan dengan pemberian kewarganegaraan berdasarkan keperibumian bertujuan memelihara hak dan kedudukan penduduk asal sesuatu penempatan. Maka, penyelarasan penggunaan istilah *al-muwatin* bagi orang bukan Islam bagi merujuk kepada warganegara adalah lebih relevan berdasarkan realiti semasa yang wujud di Malaysia ketika ini dan bersesuaian dengan konsep *maqasid* yang dibawa oleh Islam. Namun begitu, perlu difahami bahawa aspek yang mengalami perubahan hanyalah berkaitan penggunaan istilah sahaja di mana peruntukan hak yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan terutamanya yang terkandung dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan tetapi perlu dipatuhi dan dihormati oleh semua pihak bagi menjamin kestabilan masyarakat di negara ini dan kedudukan Malaysia sebagai negara yang menghimpunkan kemajmukan bangsa dan agama perlu menginterpretasikan konsep ini dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu (Khairul Azhar Meerangani et. Al. 2017).

### **Konsep Rahmatan Lil'alamiiin dan Hubungannya dengan Orang Bukan Islam**

Pembangunan konsep Rahmah yang dibawa oleh Islam yang menaungi seluruh alam adalah berteraskan al-Quran, ayat 107 daripada Surah Al-Anbiya' yang bermaksud: “*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam (Rahmatan lil 'Alamin)*”. Dalam konteks ayat ini kita tidak mengehadkan rahmat itu pada susuk tubuh Rasulullah s.a.w semata-mata, kerana selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Islam terus berkembang dan tersebar. Maka rahmat yang tiba bersama Islam dan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w itu, tidak sesekali tamat. Kerana itu, kita menganggap bahawa ayat ini sebagai bukti, bahwasanya Islam merupakan rahmat kepada sekalian alam.

Terdapat juga hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang banyak menjelaskan keluasan Rahmah yang bersifat universal bersesuaian dengan kehidupan manusia. Namun demikian, sifat universal yang dimaksudkan tertakluk pada kesesuaian dan kewajarannya yang boleh diterima dan dipraktikkan oleh seluruh manusia. Dengan kata lain, tidak kesemua inti pati ajaran Islam itu adalah bersifat universal kerana ibadah khasnya, ia melambangkan nilai nilai cemerlang yang terkandung di dalam agama Islam itu sendiri. Justeru itu, universal dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua kerangka utama. Pertama; kesatuan mutlak terhadap Tuhan Yang Maha Esa (tawhid) yang dilandasi dengan satu keyakinan yang utuh tanpa batasan ras, bangsa dan sempadan geografi. Kedua; penegasan prinsip-prinsip moral seperti keadilan, mushawarah, tolong-menolong, melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kesejahteraan dan juga larangan daripada melakukan perkara-perkara yang membawa kepada bencana atau kemusnahan (Khadijah MK & Mohd Herzali MH 2008).

Rahmat pada bahasa bermaksud kelembutan yang bergandingan dengan rasa hiba. Dalam konteks penggunaan istilah ini Ar-Raghib al-Ashfahani menguraikan bahwa ar-rahmah boleh membawa makna al-riqqah (kelembutan) atau al-ihsân (kebaikan) atau al-khayr (kebaikan) dan an-ni'mah (kenikmatan). Dan dengan kata lain rahmat diertikan sebagai kasih sayang. Dengan demikian Rahmatan lil'alamin secara bahasa adalah kasih sayang bagi seluruh alam. Jadi, diutusnya Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wa sallam adalah bentuk kasih sayang Allah kepada seluruh manusia.( al-Ashfahani 2009: 253-254)

al-Jurjani (1413H) dalam kitab al-Ta'rifat bahawa rahmah merujuk kepada suatu keinginan menyampaikan kebaikan. Ini bermakna risalah Rasulullah s.a.w. yang membawa rahmatan li al-'alamin itu, merupakan suatu keinginan Allah Taala untuk memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada seluruh alam semesta terutama manusia yang semestinya terlaksana menerusi penghayatan yang tepat.

Dr Wahbah al-Zuhayli (1418H) dalam tafsir karangannya al-Tafsir al-Munir menjelaskan ‘bahawa Kami (Allah Taala.) tidak mengutusmu wahai Muhammad dengan syariah, petunjuk dan hukum al-Quran kecuali sebagai rahmat bagi seluruh alam dalam kalangan manusia serta jin di dunia dan akhirat.

### **Pengaplikasian *Maqasid Syariah* dalam Bermuamalat dengan Orang Bukan Islam untuk Dijadikan Sebagai Panduan dan Rujukan**

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap isu-isu yang berbangkit dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Isu yang berlaku menyebabkan wujudnya asas sentimen perkauman sehingga mencetuskan perpecahan masyarakat kerana tiada kesahaman dan tidak bertolak ansur antara pihak yang terlibat.

Islam dan hak asasi kemanusiaan tidak dapat dipisahkan. Hak kemanusiaan kadangkala dianggap sebagai tanggapan moral yang didukung oleh masyarakat dan sebahagian besarnya dilaksanakan dengan undang-undang. Justeru, hak-hak yang digariskan oleh setiap perlembagaan sesebuah negara dan agama perlu diakui dan ditegakkan secara adil, berhemah dan bijaksana.

Islam menggariskan beberapa kaedah berkaitan menjaga keturunan antaranya seperti disyariatkan perkahwinan, dianjurkan berkahwin dengan anak dara, diharuskan berpoligami bagi yang mampu dan diharamkan zina serta menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada zina ('*saddu azzarai*'). Manakala perbuatan yang boleh menghalang dari bertambahnya keturunan adalah dilarang seperti meninggalkan berkahwin, mencegah kehamilan tanpa sebab yang munasabah dalam hukum Islam dan menggugurkan anak. (Mustafa Afifi & Mahyeddin 2013).

Dasar utama tamadun Islam ialah untuk memelihara dan memulihkan serta menghormati hak asasi manusia yang telah dianugerahkan Allah s.w.t. kepada hamba-hambaNya di dunia ini, termasuklah lain-lain makhluk ciptaanNya. Dasar utama tamadun Islam ini ditentukan, didorong dan didukung oleh beberapa aspek penting iaitu memelihara keselamatan agama, memelihara nyawa atau jiwa, memelihara keselamatan akal, memelihara maruah atau keturunan, memelihara harta benda dan memelihara hak dan kebebasan.

Pemahaman yang komprehensif dalam Perlembagaan Persekutuan. Orang bukan Islam memerlukan pemahaman yang jitu terhadap Perlembagaan Persekutuan bagi menjamin keadilan bagi seluruh rakyat. Hal ini kerana Perlembagaan Persekutuan mempunyai elemen *maqasid syariah* yang menjamin kebaikan kepada masyarakat sama ada yang Islam atau bukan Islam. Ramai yang menyangka bahawa kandungan Perlembagaan Persekutuan dibentuk oleh Suruhanjaya Reid, sebaliknya ia adalah usaha dari idea-idea Raja-Raja Melayu dan juga pemimpin yang terdiri daripada kaum yang berbeza. Dan melalui permuafakatan inilah wujudnya perpaduan dan kesatuan antara masyarakat yang berbilang kaum. Keistimewaan yang ada pada Perlembagaan Persekutuan adalah kerana wujudnya keadilan dalam mempertahankan kepentingan penduduk asal dan tidak menyisihkan kepentingan hak kaum lain. Elemen *maqasid syariah* yang terdapat dalam Perlembagaan ini mewujudkan pemeliharaan kepada lima perkara asas iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan juga harta. Tuntasnya, dengan memahami Perlembagaan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kebangkitan isu perkauman dan meredakan berlakunya sifat rasis dalam masyarakat. Hal ini kerana Perlembagaan membuktikan bahawa tidak ada kaum yang memperoleh segala tuntutan mereka dan tidak ada kaum yang hilang segala hak mereka, inilah *maqasid syariah* yang sentiasa berlaku adil kepada semua. Adil adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya, ia berbeza dengan konsep menyamaratakan semua kaum. Konsep adil lebih menjaga keharmonian sebuah masyarakat berbanding dengan konsep samaratakan masyarakat dengan hak-hak yang dituntut. Jadinya, dengan adanya pemahaman yang jelas terhadap Perlembagaan Persekutuan dapat menjaga negara ini daripada berlakunya huru-hara dan kacau-bilau. Hal ini bersesuaian dengan konsep '*saddu ad-zarai'* yang dibawa oleh Islam dengan mengambil sesuatu perkara yang membawa manfaat selagi tidak bertentangan dengan syarak dan menolak segala keburukan yang mampu memecah-belahan masyarakat.

Isu Perkauman telah dijadikan modal politik yang paling ampuh bagi pihak kerajaan bagi mematahkan sebarang tentangan daripada seterus politik mereka. Mereka mendakwa walaupun Perkara 8(2) menetapkan bahawa sebarang diskriminasi berkaitan jantina, agama dan kaum adalah dilarang namun terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan

dilihat telah membelakangkan prinsip tersebut. Antara fakta yang mencuri tumpuan mereka berhubung pelaksanaan program Biro Tatanegeara yang didakwa menyimpang daripada objektif asalnya di mana program ini telah dijadikan alat oleh pihak parti pemerintah untuk menyuburkan semangat perkauman yang tebal terutamanya melibatkan kaum Melayu dan kaum Cina. Perlu difahami bahawa Islam merentasi batasan perkauman dan keturunan di mana semua manusia dinilai sama di sisi Allah (Khairul AM, et. Al 2013).

Walaupun perkara 160 (2) mendefinisikan Melayu sebagai beragama Islam, namun adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk menyandarkan sebarang rasa tidak puas hati mereka berhubung layanan yang diterima berdasarkan bangsa kepada agama. Kaum Melayu memiliki hak istimewa mereka yang tersendiri berorientasikan kepada persetujuan bersama semua pihak. Justeru, hak istimewa yang diterima oleh mereka ini bukanlah suatu bentuk penindasan kepada golongan bukan Muslim di Malaysia. Hal ini kerana kaum lain yang beragama Islam juga turut dikecualikan beberapa hak istimewa. Namun, pihak kerajaan juga perlu meneliti beberapa dakwaan mereka yang dilihat sedikit berasas terutamanya apabila isu perkauman ini sering diputarbelitkan apabila ia melibatkan kepentingan politik sesuatu pihak.

### Kesimpulan

Prinsip *maqasid syariah* sangat berpengaruh besar dalam memberi jaminan kesejahteraan dan keharmonian kepada seluruh alam. Para ulama' dan fuqaha' telah menjelaskan prinsip *maqasid syariah* ini, yang pada hakikatnya menyatakan bahawa tujuan pensyariatan dari Allah mempunyai rahsia yang tersirat dan hikmah yang tersurat bagi setiap hidupan yang menjalani proses kehidupan di dunia ini.

Setiap hamba mukallaf mempunyai kewajipan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjalani kehidupan berlandaskan *maqasid syariah* agar kehidupannya lebih terjamin dan dalam keadaan aman sejahtera. Manakala bagi orang bukan Islam mempunyai tugas penting sebagai masyarakat yang mempunyai tujuan yang sama seperti yang disyariatkan oleh Allah kerana fitrah setiap insan sukakan keamanan dan cara hidup yang mempunyai matlamat hidup. Cara hidup berdasarkan perbezaan pegangan agama masing-masing dan cara pandang pemikiran yang berbeza terhadap kelompok yang berbeza. Namun, agama Islam telah membuktikan hak orang bukan Islam tidak pernah dinafikan dan tidak berlaku diskriminasi kepada sesiapapun walaupun berbeza pegangan agama dan suku kaum.

Islam datang sebagai rahmat yang memberi cahaya kepada seluruh umat manusia dalam menentukan matlamat hidup yang berpandukan kebenaran dan keadilan. Oleh itu, pengaplikasian *maqasid syariah* wajib diterapkan kepada seluruh umat manusia tanpa mengira agama dan latarbelakang.

### Rujukan

- al-Asfahani, al-Raghib. 2009. *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Hlm. 253-254. Makkah al-Mukarromah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- al-Fasi, Ilal. 1993. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Hlm. 8. Tunis: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- al-Jurjani, Ali Muhammad. 1413H. *Mu'jam al-Ta'rifat*. hlm. 95. Riyadh: Dar al-Fadhilah.
- al-Qaradhawi, Yusuf. 2016. *Fatwa Kontemporari Siri 2 Akidah dan Ibadah*. Hlm. 10-12. Selangor: PTS Islamika.
- al-Shatibi, Abu Ishaq. 1996. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Hlm. 321. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zarqa, Mustafa. 1998. *Madkhal al-Fiqh al-Am*. Juz. 1, Hlm. 102. Dimashq: Dar al-Qalam.

- al-Zuhaili, Wabhabah. 1418H. *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah, wa al-Shariah, wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Azman Mohd Noor, Muhammad Nasir Haron & Muhammad Nazir Alias. n.d. *Kepentingan Memahami Maqasid Syariah Dalam Pembangunan Negara*.
- Ghazali, Mohd Rumaizuddin. 2014. Kepentingan maqasid syariah dalam berfatwa di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, vol 4 no. 1, 7-32.
- Ibn Qayim al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb al-Zur‘ī l-Dimashqī al-Ḥanbalī. 1367H/1948. *al-Tafsir al-Qayim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, bill 27, 81-92.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlas Rosele & Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2013. Hak Asasi Bukan Muslim di Malaysia: Analisis isu terpilih. Kertas kerja International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society, hlm 552-565.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, & Rushdi Ramli. 2017. Kewajaran Penggunaan Istilah Al-Dhimmi terhadap Non-Muslim di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 10, Isu II, 40-53.
- Mustafa Afifi & Mahyeddin. 2013. "Bayi yang dibuang: Hak dan kedudukan bayi di sisi undang-undang". *The Malayan Law Journal*. hlm 6.
- Uqlah, Muhammad. 1991. *al-Islam Maqasiduh wa Khasa'isuh*. Hlm. 112. Oman: Maktab al-Risalah al-Hadithah.